

MAJLIS BERBUKA PUASA BSKM DENGAN KERJASAMA RAKAN USAHASAMA PELAKSANA TELEKOMUNIKASI NEGERI PERAK

BSKM DAN DIGITAL PERAK BERSAMA-SAMA DEPLOYMENT PARTNER MENYANTUNI DAN MERAIKAN ANAK-ANAK YATIM

IPOH, APRIL 28, 2022 – Satu majlis berbuka puasa telah diadakan bagi menyantuni anakanak yatim oleh Pejabat Pengurus Jawatankuasa Belia dan Sukan, Komunikasi dan Multimedia (BSKM) bersama-sama dengan Digital Perak Corporation Holdings (Digital Perak) di Hotel Impiana, malam ini.

Sebahagian daripada tanggungjawab sosial korporat, seramai 77 anak-anak yatim dan miskin daripada Pusat Jagaan Anak Yatim Yaasin, Taman Cempaka dan Pertubuhan Kebajikan Baitul Aini Anak-Anak Yatim dan Miskin Ipoh, Kuala Pari telah diraikan dalam majlis ini.

Sesi penyampaian duit raya kepada anak-anak yatim serta infaq Ramadan kepada rumahrumah anak yatim ini disempurnakan oleh Pengurus Jawatankuasa BSKM, YB Encik Khairul Shahril bin Mohamed dan Ketua Pegawai Eksekutif Digital Perak, Meor Rezal Fitri bin Dato' Dr. Hj. Meor Redwan.

Majlis ini telah dilaksanakan dengan sumbangan dan sokongan daripada para rakan usahasama pelaksana telekomunikasi (deployment partner) Negeri Perak, iaitu **Bangkit Setia Sdn. Bhd.**, **Edotco Malaysia Sdn. Bhd.**, **ITMax System Sdn. Bhd.**, **Naza Communications Sdn. Bhd.**, **Alpha Orange Sdn. Bhd.**, **Threesixty Technologies Sdn. Bhd.**, **EdgePoint Infrastructure Sdn. Bhd.**, **Stealth Solutions Sdn. Bhd.**, **Touch Mindscape Sdn. Bhd.**, **Celcom Axiata Berhad**, **Skyline Technology (M) Sdn. Bhd.**, **NST Data Cara Sdn. Bhd.** serta **Tele-flow Corporation Sdn. Bhd.** dan juga daripada kakitangan Digital Perak sendiri.

Majlis ini juga diimarahkan dengan sesi tazkirah Ramadan dan bacaan tahlil oleh penceramah selebriti, Ustaz Mohd Zainudin bin Mohamed Zaini atau PU Yeop.

Di samping itu, majlis ini memberikan peluang bagi mengeratkan silaturahim sesama rakan usahasama pelaksana telekomunikasi Negeri Perak serta pihak pengurusan dan kakitangan Digital Perak.

Turut hadir memeriahkan majlis, Pengarah Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (SKMM) Perak, Zairul Nahar Bin Zakaria serta wakil-wakil deployment partner.

